

## **Kepelbagaian Manhaj Bacaan Al Quran Riwayat Hafs An Asim: Kajian Perbandingan Antara Tariq Al Syatibiyyah dan Tariq Al Hamami**

Sumaiyah binti Ramli  
Abdul Hakim bin Mahadzir  
Mohamad Alwi bin Ab Rahman

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

### **ABSTRAK**

Al Quran merupakan kitab wahyu penuh mukjizat yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad saw dan umat baginda. Antara keistimewaan Al Quran adalah mempunyai pelbagai jenis bacaan yang dikenali dengan nama *Qiraat*. Proses penyampaian Al Quran berterusan dari generasi hingga ke generasi melalui jalan yang mutawatir. *Imam Ibnu Al Jazari* telah mengumpulkan kesemua jenis bacaan Quran (*Qiraat*) yang sah dan boleh diamalkan di dalam kitab yang dikarang oleh beliau, *An Nasyr Fil Qiraat Al Asyr*. Bacaan Al Quran mengikut Riwayat Hafs An Asim merupakan bacaan yang paling masyhur di kalangan umat Islam di seluruh dunia. Majoriti umat Islam mengamalkan bacaan Riwayat Hafs disebabkan perselisihan kalimah (*Qiraat*) yang mudah dikuasai dan dipraktikkan. Namun begitu, terdapat banyak aliran bacaan Al Quran mengikut Riwayat Hafs, antaranya *Tariq Syatibiyyah* dan *Tariq Al Hamami*. Pembaca Al Quran yang mengamalkan Riwayat Hafs haruslah menguasai manhaj bacaan bagi sesuatu aliran. Artikel ini bertujuan menjelaskan perbandingan manhaj bacaan Al Quran yang terdapat dalam Riwayat Hafs An Asim. Dua aliran yang dipilih oleh pengkaji adalah *Tariq As Syatibiyyah* dan *Tariq Al Hamami (Kitab Al Misbah)*. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa setiap pembaca Al Quran harus menguasai kaedah pembacaan mengikut manhaj sesuatu aliran yang diamalkan mengikut riwayat Hafs. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya percampuran bacaan antara tariq dalam Riwayat Hafs sedangkan hukumnya adalah ditegah mengikut pandangan ulama Qiraat. Kertas kerja ini diharap dapat menjadi garis panduan bagi semua tenaga pengajar Al Quran khususnya dan semua masyarakat Islam umumnya, dalam meningkatkan kualiti pembacaan Al Quran di Malaysia.

Kata Kunci: *Manhaj Bacaan Al Quran, Riwayat Hafs An Asim, Tariq Syatibiyyah, Tariq Al Hamami*

### **1.0 Pendahuluan**

Antara keistimewaan kitab agung Al Quran yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad saw adalah, Al Quran diturunkan dalam pelbagai bentuk bacaan yang dikenali dengan nama Qiraat. Antara hikmah kepelbagaian bacaan ini adalah dapat menyempurnakan makna Al Quran. Tidak ada satupun kalimah al Quran yang dibaca dengan beberapa jenis qiraat mempunyai percanggahan, bahkan ianya saling menguatkan dan memperkayakan makna

antara satu dengan yang lain. Hakikatnya perbezaan ini telah memberi kemudahan kepada umat nabi Muhammad saw yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa untuk membaca al-Quran.<sup>1</sup>

Hal ini dijelaskan dalam hadis Nabi Muhammad saw, yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَقْرَأَنِي جِبْرَائِيلُ عَلَى حَرْفٍ، فَرَأَجَعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ وَيَزِيدُنِي، حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ.<sup>2</sup>

Maksudnya: *Jibrail Alaihissalam membacakan kepada Aku (Rasulullah saw) dengan satu cara bacaan sahaja, maka aku berulang-ulang meminta supaya ditambah cara bacaan yang lain, dan Jibrail Alaihissalam pun menambahnya sehinggalah lengkap sehingga menjadi Sab'ah Ahruf.*

Berdasarkan hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa al Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad saw dengan pelbagai jenis bacaan. Baginda berulang kali memohon kepada Jibrail Alaihissalam supaya menambahkan kepelbagaian jenis bacaan bagi meringankan beban umatnya dalam pembacaan al Quran.<sup>3</sup> Perbezaan ini telah menyebabkan terdapat pelbagai bacaan yang diamalkan oleh para sahabat. Para sahabat bertalaqqi dengan Nabi Muhammad saw dengan kepelbagaian Qiraat. Ada dalam kalangan mereka mempelajari satu jenis bacaan, ada yang mempelajari dua bacaan dan ada yang lebih daripada itu. Kepelbagaian bacaan Qiraat ini diwarisi melalui proses penyampaian al Quran secara bertalaqqi daripada bacaan guru mereka. Kemudian lahirlah anak murid yang memasyhurkan bacaan Qiraat daripada guru masing-masing yang dikenali sebagai riwayat, seperti riwayat Hafs An Asim, iaitu bacaan Imam Hafs yang diperoleh daripada gurunya iaitu Imam Asim. Seterusnya, bacaan ini diwarisi pula oleh anak-anak murid yang menjadi pendokong kepada bacaan Qiraat tersebut, dikenali sebagai Tariq (aliran bacaan), contohnya, bacaan Riwayat Hafs yang diambil melalui Tariq Syatibiyah (Aliran Syatibiyah).

<sup>1</sup> Sa'ad Abd Hamid, *Taisir Ar Rahman Fi Tajwid Al Quran*, Dar At Taqwa, Syubra Al Kheimah, 2010, hlm 18-19.

<sup>2</sup> Abu Abdullah bin Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Al Bukhari, *Sahih Al Bukhari, Kitab Fadhail Al Quran, Bab Anzala Al Quran Ala Sab'at Ahruf*, Bab 5/5042, Jam'iyah Al Miknaz Al Islami Al Qahirah, hlm 1049.

<sup>3</sup> Sya'ban Mohamad Ismail, *Almadkhal Ila Ilm' Al Qiraat*, Dar Tayyibah Al Kahdra', Makkah Al Mukarramah, 2011, hlm 9-10.

## 2.0 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, ilmu berkaitan pembacaan al Quran mula di ajar bermula dari peringkat sekolah rendah, peringkat menengah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Begitu juga kelas al Quran oleh institusi swasta, mahupun perseorangan yang menawarkan khidmat pengajaran al Quran mendapatkan sambutan menggalakkan. Oleh yang demikian, guru al Quran haruslah memantapkan diri dengan ilmu berkaitan selok belok bacaan al Quran. Anuar Hasin berpendapat seseorang guru al Quran haruslah menguasai ilmu bacaan al Quran secara teori dan praktikal sebelum mengajar kepada masyarakat.<sup>1</sup> Mohd Rahim Jusoh menegaskan guru al Quran mestilah memahirkan diri dengan ilmu-ilmu berkaitan bacaan al Quran seperti ilmu Tajwid, Qiraat, Rasm Uthmani, Waqaf Ibtida dan sebagainya. Ini adalah penting bagi memastikan guru al Quran dapat membimbing masyarakat dalam pembacaan al Quran mengikut peraturan dan manhaj yang betul.<sup>2</sup> Di samping itu, menurut pemerhatian awal, masih ramai guru al Quran yang masih keliru dan tidak mengetahui manhaj pembacaan Riwayat Hafs An Asim mengikut Tariq Syatibiyah dan Tariq Tayyibah.

Dewasa ini, bacaan al Quran riwayat Hafs An Asim dilihat kian tersebar dengan meluas ke pelusuk dunia. Ini dapat dilihat dengan percetakan Mushaf Uthmani yang diterbitkan mengikut riwayat Hafs An Asim. Begitu juga, rakaman bacaan al Quran yang pertama di rekodkan oleh Qari tersohor Syeikh Mahmud Khalil Al Husory berdasarkan bacaan riwayat Hafs An Asim. Walaupun bacaan al Quran riwayat Hafs mudah dipraktikkan, namun terdapat manhaj atau kaedah yang harus diikuti oleh pembaca al Quran. Ini adalah penting kerana terdapat sebahagian pembaca al-Quran yang tidak memahami manhaj bacaan setiap tariq, lalu mencampuradukkan manhaj tariq-tariq tersebut di dalam bacaan mereka sedangkan hukumnya adalah ditegah. Percampuran bacaan antara tariq adalah dilarang dan menjadi sesuatu keaiban kerana bacaan al Quran mestilah dibaca mengikut apa yang disampaikan oleh baginda Nabi Muhammad saw.<sup>3</sup> Oleh yang demikian, pembaca al Quran haruslah mengetahui perbezaan

---

<sup>1</sup> Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias dan Zainora binti Daud, *Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian di Era Covid-19 Satu Tinjauan Menurut Perpektif As Sunnah*, Proceedings of the 7 th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, hlm 422-424.

<sup>2</sup> Mohd Rahim Jusoh bin Musa, *Tarikh Al Quran & Rasm Uthmani*, Pustaka Khodim Al Mushaf, 2008, hlm 1

<sup>3</sup> Ali Muhammad Ad Dabba', *Sorih An Nas Fil Kalimat Al Mukhtalaf Fiha An Hafs*, Toba; Bimatba'ah Mustafa Al babi Al Halabi, Mesir, hlm 2.

manhaj bacaan bagi setiap tariq dan mempunyai sandaran yang kukuh dalam mengamalkan sesuatu aliran bacaan al Quran.<sup>1</sup>

### **3.0 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti sejarah ringkas kepelbagaian bacaan Al Quran.
2. Menjelaskan ketokohan dan keilmuan Imam Hafs An Asim.
3. Menghuraikan perbandingan kaedah pembacaan al Quran Riwayat Hafs Tariq Al Syatibiyah dan Tariq Al Hamami.

### **4.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini akan memuatkan dua jenis data, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer iaitu kitab-kitab turath yang akan didapati di kebanyakan perpustakaan dan laman sesawang terpilih. Manakala data sekunder pula pengkaji akan dapatkan melalui kitab karangan ulama moden, yang bersifat bukan rujukan asli. Di samping itu, data-data atau maklumat tentang riwayat Hafs An Asim, sama ada berkaitan secara langsung dan tidak langsung, akan diperoleh juga melalui latihan ilmiah, tesis, jurnal, risalah atau majalah.

### **5.0 Ketokohan Imam Hafs Sulaiman Al Kufi**

Imam Hafs merupakan periwayat bacaan Imam Asim yang masyhur. Nama penuh beliau adalah Hafs bin Sulaiman Al Mughirah bin Abi Umar Al Asadi Al Kufi. Beliau dilahirkan di Kufah pada tahun 90 Hijriyyah.<sup>2</sup> Beliau bertalaqqi dan mengambil bacaan Al Quran secara terus dengan Imam Asim yang juga merupakan bapa tirinya. Beliau adalah anak murid yang paling menguasai bacaan Qiraat Imam Asim, kerana mendapat didikan dan pembelajaran ilmu Al Quran secara terus daripada ayah tirinya. Ketelitian dan ketepatan beliau dalam bacaan Al Quran telah diiktiraf oleh para ulama, antaranya, Imam As Syatibi yana mana telah memberikan pujian kepada Imam Hafs dalam kitab *Matan Hirz Amani Wa Wajhu Tahani*:

---

<sup>1</sup> Abd Muhaimin bin Ahmad, Muhammad Hafiz bin Salleh, Norazman bin Alias, *Qiraat Imam 'Asim Riwayat Hafs*, Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), hlm 3.

<sup>2</sup> Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad Az Zahabi, *Ma'rifat Al Qurra Al Kibar Ala Tobaqat Wal A'sar*, Muassasah Ar Risalah, Beirut, 1988, hlm 140

..... وَحَفْصٌ وَبِإِثْقَانٍ كَانَ مُفَضَّلًا<sup>1</sup> \*\*

*Imam Hafs telah bertalaqqi bacaan al Quran daripada Imam Asim, dan beliau paling menguasai bacaan Imam Asim<sup>2</sup>*

Imam Hafs juga pernah menjadi ketua Qurra di Baghdad, beliau menjadi tempat rujukan umat Islam di Baghdad untuk belajar dan bertalaqqi Al Quran seterusnya menghasilkan ramai tokoh Qurra yang meriwayatkan bacaan daripada beliau. Di samping itu, Imam Hafs juga menyebarkan bacaan beliau kepada umat Islam di Makkah yang terletak bersebelahan negeri Baghdad. Terdapat ramai anak murid yang memasyhurkan bacaan beliau, seperti, *Imam Amru bin As Sobbah, Imam Ubaid bin As Sobbah, Sulaiman bin Daud Az Zahrani, Husin bin Mohamad Al Mirwazi* dan lain-lain.<sup>3</sup>

Imam Hafs merupakan anak murid Imam Asim yang paling masyhur dan mahir dalam selok belok Qiraat Asim. Yahya bin Mui'n berkata, bacaan Riwayat Hafs adalah sahih dan diterima dalam Qiraat Imam Asim. Ibnu Al Munada telah memuji Imam Hafs mempunyai ingatan yang kuat dan menyifatkannya sebagai seorang yang teliti dalam bacaan Imam Asim. Bukan itu sahaja, bahkan Imam Hafs merupakan Masyayikh Qurra yang menjadi tempat rujukan Umat Islam dalam permasalahan bacaan al Quran di Baghdad untuk tempoh masa yang panjang.<sup>4</sup>

Bacaan riwayat Hafs An Asim bersambung sanadnya sampai kepada bacaan Nabi Muhammad saw melalui bacaan yang diriwayatkan oleh Saidina Ali bin Abi Talib Radiyallah Anhu. Telah diriwayatkan, Imam Hafs bertanya kepada Imam Asim, “ Aku dapati Abu Bakar yakni Imam Syu'bah meriwayatkan bacaan yang berlainan dengan bacaanku. Maka Imam Asim telah berkata bahawasanya beliau telah membaca kepada Imam Hafs bacaan yang telah diriwayatkan oleh Abu Adur Rahman As Sulami yang diambil daripada Saidina Ali bin Talib.

---

<sup>1</sup> Al Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahad As Syatibi, *Matn Hirz Amani Wa Wajhu Tahani Fil Qiraat As Sab'i*, Dar Al Ghauthani Liddirasat Al Quraniyah, Damsyik, 2007, hlm 3.

<sup>2</sup> Abu al Qasim Ali bin Uthman, *Siraj Al Qari Al Mubtadi Wa Tazkar Al Muqri Al Muntahi, Syarh Nazmu As Syatibiyah*, Dar as Sohabah Lit Turath Tanta, 2004, hlm 27-28.

<sup>3</sup> Abd Fattah Al Mirsafi, *Hidayah Al Qari' Ila Tajwid Kalam Al Bari*, Maktabah Tayyibah, Madinah Munawwarah, hlm 36

<sup>4</sup> Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *An Nasyr Fil Qiraat Al Asyr*, Darul Kutub Al Ilmiah, Beirut, Lubnan, hlm 156.

Manakala bacaan yang dibacakan kepada Imam Syu'bah adalah bacaan yang diriwayatkan oleh Zirr bin Hubaisy yang diambil daripada Abdullah Ibn Masu'd.<sup>1</sup>

## **6.0 Kepelbagaian Aliran Bacaan Riwayat Hafs An Asim**

Mengikut Ibnu al Jazari, aliran bacaan al Quran yang terdapat dalam riwayat Imam Hafs adalah sebanyak 52 aliran. Dua Imam yang menjadi pendokong kepada aliran Imam Hafs iaitu anak murid beliau Imam Amru bin As Sobah dan Imam Ubaid bin As Sobbah. Daripada dua Imam ini, terdapat 4 aliran bacaan yang utama bagi Riwayat Hafs iaitu, Tariq Al Hasyimi, Tariq Abu Tahir, Tariq Al Fiil dan Tariq Zuran.

Setiap pembaca al Quran haruslah mengetahui selok belok pembacaan yang diamalkan. Ini adalah kerana setiap aliran mempunyai kaedah dan manhaj yang tersendiri. Menurut Surur Shihabudin,<sup>2</sup> pembaca al Quran haruslah mengetahui kalimah yang menjadi perselisihan antara turuq dan kaedah pembacaan bagi tariq yang diamalkan. Kaedah pembacaan mengikut tariq yang betul adalah sangat penting bagi memelihara ketulenan al Quran supaya bacaan tersebut sanadnya bersambung kepada bacaan Nabi Muhammad saw.

Imam al-Syatibi telah memilih satu riwayat yang disebut sebagai tariq bagi setiap riwayat yang dikumpulkan di dalam kitabnya *Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani*. Untuk bacaan Imam Hafs, beliau telah memilih jalan periwayatan 'Ubaid bin Sobah al-Nahsyali. Antara ulama lain menjadi rujukan utama dalam ilmu riwayat al-Qiraat ialah Ibn al-Jazari. Beliau telah memilih jalan periwayatan bacaan al Quran yang shahih bagi setiap Imam Qiraat 10 melalui kitab beliau *al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar*. Ibn al-Jazari telah memilih dua tariq yang utama dalam riwayat Imam Hafs iaitu:

### **A. Tariq 'Ubaid bin al-Sobah**

Beliau adalah Abu Muhammad 'Ubaid bin al-Sobbah bin Abi Syuraih bin Subaih al-Nahsyali al- Kufi. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada Hafs daripada 'Asim. Beliau merupakan seorang qari' yang soleh dan kuat ingatan. Beliau juga merupakan anak murid Imam Hafs yang paling mulia dan teliti. Ubaid meriwayatkan bacaan hafs kepada Ahmad bin Sahl al Usynani, kemudian al-Usynani meriwayatkan bacaan tersebut kepada Abu Tahir 'Abd al Wahid bin 'Umar, 'Ali bin Muhammad al-Hasyimi. Daripada Ali bin Muhammad al-Hasyimi terpecah

---


<sup>1</sup> Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *Ghayah Al Nihayah Fi Tabaqat Al Qurra*, Dar As Sohabah Tanta, 2009, hlm 385.

<sup>2</sup> Surur Shihabudin, *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs An Asim Melalui Tariq Asy Syatibiyyah*, Pustaka Salam Sdn. Bhd., Cetakan Pertama, 2004, hlm 10-11.

kepada 10 toriq dan daripada Abi Tahir 'Abd al-Wahid bin 'Umar terpecah kepada 14 toriq. Beliau wafat pada tahun 219H.

B. Tariq 'Amru bin al-Sobah al-Nahsyali.

Beliau adalah Abi Hafs 'Amru bin al-Sobah bin Subaih al-Baghdadi al-Darir, beliau merupakan anak murid Imam Hafs yang sangat bijak dan mahir dalam selok belok bacaan Hafs. Beliau telah meriwayatkan bacaan Hafs kepada dua orang murid beliau iaitu Abi Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Hamid yang dikenali sebagai al-Fil. Daripadanya terpecah kepada 14 tariq dan kepada Zur'an bin Ahmad bin 'Isa terbahagi kepada 14 tariq. Beliau telah wafat pada tahun 221H.<sup>1</sup>



*Rajah 1.0 Kepelbagaian aliran bacaan dalam Riwayat Hafs An Asim*

<sup>1</sup> Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *An Nasyr Fil Qiraat Al Asyr*, Dar Al Muhsin, Juzu' Awwal, 2016M, hlm 443-447.

## 7.0 Pengenalan Ringkas Tariq Al Syatibiyah dan Tariq Al Hammami

Tariq Al Syatibiyah merupakan salah satu daripada aliran atau jalur yang terdapat dalam bacaan Hafs An Asim. Tariq ini disandarkan kepada nama Imam Syatibi, beliau merupakan pendokong bagi aliran tersebut. Nama penuh beliau adalah Imam al Qasim Ibn Firruh Ibn Khalaf bin Ahmad Abu al Qasim. Beliau dilahirkan pada tahun 538 H di Syatibah, suatu bandar yang terletak di Andalusia.<sup>1</sup> Beliau merupakan tokoh terkemuka Ilmu Qiraat yang mengarang *Matan Hirz Amani Wa Wajhu Tahani*, bait syair yang mengumpulkan Qiraat Tujuh yang mutawatir. Di dalam kitab matan *Hirz Amani Wa Wajhu Tahani*, Imam As Syatibi hanya memilih satu aliran saja bagi riwayat Hafs An Asim, bacaan yang bersumberkan daripada Tariq al Hasyimi, yang diriwayatkan daripada Al Usynani, dan Al Usynani meriwayatkan bacaan tersebut daripada Imam Ubaid b as Sobbah.<sup>2</sup>

Tariq Al Hammami merupakan salah satu daripada aliran daripada Tariq Tayyibah An Nasyr yang terdapat dalam bacaan Hafs An Asim. Imam Ibnu Al Jazari telah memilih bacaan Tariq Al Hamami berdasarkan kepada kitab Al Misbah Az Zahir Fil Qiraat Al Asyr Al Bawahir yang dikarang oleh, Abu Al Karam Al Mubarak bin Al Hasan bin Ahmad bin Fathan.<sup>3</sup> Tariq Al Hammami disandarkan kepada Ali bin Ahmad bin Umar bin Hafs bin Abdullah Abu Al Hasan Al Hammami. Beliau merupakan tokoh Qurra di Iraq, pemegang sanad Al Quran yang terkemuka, thiqah dan mahir dalam bacaan Qiraat. Telah berkata Al Khatib, beliau merupakan seorang yang jujur dalam mengamalkan agama, serta mempunyai peribadi yang mulia. Di samping itu, beliau juga mempunyai sanad bacaan Al Quran tertinggi pada ketika itu. Beliau dilahirkan pada tahun 328H dan telah bertalaqqi bacaan daripada ramai guru, iaitu Abu Bakar An Naqasy, Abu Isa Bakar, Zaid bin Ali Wahbahtullah bin Ja'far, Abdul Wahid bin Umar, Ali bin Muhammad bin Ja'far Al Qalansi, Muhammad bin Ali bin Al Haitham. Antara anak murid yang meriwayatkan bacan Al Quran daripada beliau adalah, Ahmad bin Al Hasan Al Lihyani, Ahmad bin Ali bin Sufi, Al Hasan bin Ali Al Attar dan ramai lagi. Beliau telah wafat pada bulan Sya'ban tahun 417H ketika umur beliau 90 tahun.<sup>4</sup> Al Hamami telah meriwayatkan

---

<sup>1</sup> Ibnu al Jazari, *Ghayah al Nihayah Fi Tabaqat Al Qurra'*, Dar as Sohabah Lit Turath Tanta, 2004, Dar As Sohabah Tanta, 2008, hlm 918.

<sup>2</sup> Taufiq Ibrāhīm Damrah, *Ahsan al-Bayān Syarh Turūq al-Tayyibah li Riwāyah Hafs*, Tanta: Dār al-Sahābah, 2012M/1433H, hlm 39.

<sup>3</sup> Ibid, hlm 91.

<sup>4</sup> Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *Ghayah Al Nihayah Fi Tabaqat Al Qurra*, Dar As Sohabah Tanta, 2009, hlm 764.



bacaan bersumberkan daripada Tariq Al Wali yang diriwayatkan daripada Tariq Al Fil, bersumberkan drpada Bacaan Imam Amru bin As Sobah.<sup>1</sup>

### **8.0 Kaedah Bacaan Al Quran Riwayat Hafs Berdasarkan Tariq Al Syatibiyah**

Perbezaan bacaan yang berlaku antara tariq-tariq di dalam riwayat Hafs melibatkan kalimah Usul dan Farsy Huruf. Berikut huraian berkenaan kaedah pembacaan yang harus diikuti oleh pembaca al Quran yang memilih bacaan al Quran Riwayat Hafs berdasarkan Tariq Syatibiyah:

1. Bab Mad al Munfasil: Kadar bacaan Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah adalah dengan kadar Tawasut (4 harakat).
2. Bab Mad al Mutasil: Kadar bacaan Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah adalah dengan kadar Tawasut (4 harakat) samada ketika wasal atau waqaf.
3. Bab Ghunnah pada huruf Nun Sakinah atau tanwin ketika bertemu dengan huruf Lam atau Ra: Imam Hafs Tariq Syatibiyah membaca Idgham Kamil (sempurna) tanpa ada dengung pada Nun Sakinah dan Tanwin yang bertemu dengan huruf Lam dan Ra.
4. Bab Saktah pada Sakin Mafsul: Berlaku pada huruf berbaris sukun sahik yang terletak sebelum huruf Hamzah Qata'. Saktah pula betmaksud memberhentikan bacaan sekejap tanpa bernafas dan menyambung semula bacaan dalam nafas yang sama. Bacaan Imam Hafs menurut Tariq Syatibiyah tidak ada saktah pada sakun mafsul, selepasnya huruf Hamzah. Adapun Tariq Tayyibah terdapat saktah pada huruf sukun yang terletak sebelum huruf Hamzah.
5. Bab Takbir: Takbir bermaksud bacaan lafaz takbir (لا إله إلا الله والله أكبر) yang seringkali diamalkan ketika majlis khatam al Quran. Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah tidak membaca lafaz Takbir. Adapun terdapat tariq-tariq lain daripada Turuq Tayyibah yang membaca lafaz takbir ketika khatam al Quran.
6. Pada kalimah (ويبسط) ayat 245, dalam surah al Baqarah, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membaca dengan huruf sin sahaja.

---

<sup>1</sup> Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *An Nasyr Fil Qiraat Al Asyr*, Dar Al Muhsin, Juzu' Awwal, 2016M, hlm 447-448.

7. Pada kalimat { بصطة } ayat 69, dalam surah al A'raf, Imam Hafs Tariq Syatibiyah membaca dengan huruf sin sahaja.
8. Pada kalimat { بمصيطر } di dalam surah al Ghashiyah ayat 22, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membaca dengan huruf sad sahaja.
9. Pada kalimat { المصيطرون } di dalam surah al Tur ayat 37, Imam Hafs membaca dengan dua wajah bacaan iaitu, dengan huruf sin dan sad.
10. Hamzah washal pada kalimat { بالذكرين }, terdapat dua tempat di dalam surah Al Ana'm ayat 43 dan 44, kalimat { ءالثن }, terdapat dua tempat di dalam surah Yunus ayat 51 dan 91, kalimat { ءالله } yang terdapat pada ayat 59 surah an Naml dan Yunus. Pada bacaan hamzah washal bagi 3 kalimat ini, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membaca dengan dua wajah bacaan. Bacaan pertama ialah ibdal kepada alif beserta dengan isyba' (panjang kadar 6 harakat). Wajah bacan yang kedua adalah tashil antara Hamzah dan Alif beserta dengan Qasr (panjang dengan kadar 2 harakat).
11. Pada kalimat { يلهث ذلك }, di dalam surah al A'raf ayat 176, Imam Hafs berdasarkan Tariq Syatibiyah membaca dengan mengidghamkan huruf tha ke dalam huruf dzal. Adapun turuq lain di dalam Tariq Tayyibah membaca secara izhar atau idgham atau kedua-dua wajah sekaligus.
12. Pada kalimat { اركب معنا }, di dalam surah al A'raf ayat 42, berdasarkan Tariq Syatibiyah dibaca dengan wajah Idgham huruf Ba ke dalam huruf Mim. Adapun turuq lain di dalam Tariq Tayyibah membaca kalimat ini secara izhar atau idgham sahaja.
13. Bacaan Nun pada kalimat { يس والقرآن الحكيم }, { ن والقلم }, { ن والقلم }. Berdasarkan bacaan Imam Hafs Tariq Syatibiyah, hukum bacaan nun pada kedua dua lafaz tersebut adalah izhar ketika menyambung bacaan dengan ayat selepasnya tanpa perlu idgham.

14. Kalimah ﴿ لا تأمنا ﴾, di dalam surah Yusuf ayat 11, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membacanya dengan dua wajah, iaitu secara Isyam ataupun Ikhtilas. Isyam bermaksud bacaan isyarat dengan memuncungkan dua bibir mulut ketika membaca huruf nun yang bersabdu. Ikhtilas bermaksud bacaan baris dhommah yang tersisa 1/3 pada huruf nun yang bersabdu.
15. Kalimah ﴿ عوجا قيما ﴾, di dalam surah al Kahfi ayat 1, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membacanya dengan saktah. Manakala bagi Tariq al Jazari, Imam Hafs membacanya dengan dua wajah, iaitu saktah dan tanpa saktah.
16. Kalimah ﴿ كهيعص ﴾, pada permulaan Surah Maryam, Tariq Syatibiyah membaca huruf ain dengan kadar 4 atau 6 harakat beserta dengung. Walaubagaimanapun, membaca huruf ain dengan kadar 6 harakat didahulukan.
17. Kalimah ﴿ فرق ﴾, di dalam surah al Syua'ra pada ayat 63, Imam Hafs Tariq Syatibiyah membacanya dengan dua wajah pada huruf Ra, iaitu Tafkhim (menebalkan huruf Ra) dan Tarqiq (menipiskan huruf Ra). Bacaan Tarqiq diutamakan.
18. Kalimah ﴿ فماتن الله ﴾, pada ayat 36 surah an Naml, Imam Hafs mengithbatkan huruf Ya ketika washal. Adapun ketika waqaf Imam Hafs membaca dengan dua wajah pada kalimah ءاتن. Wajah pertama adalah mengithbatkan huruf Ya selepas huruf Nun. Wajah kedua adalah dengan menghazafkan huruf Ya, dan waqaf pada huruf nun yang berbaris sukun atau raum.
19. Kalimah ﴿ ضعف ﴾, ﴿ ضعفا ﴾, di dalam surah Rum ayat 54, Imam Hafs Tariq Syatibiyah membaca dengan dua wajah iaitu pada huruf dhod dibaca dengan baris fathah dan dhommah.
20. Kalimah ﴿ سلسلا ﴾, pada surah Al Insan ayat 4, semua Turuq didalam riwayat Hafs membaca dengan menghazafkan huruf Alif ketika bacaan secara washal. Adapun ketika bacaan secara waqaf, Imam Hafs melalui Tariq Syatibiyah membaca dengan dua wajah. Wajah pertama, dengan menghazafkan huruf Alif dan berhenti pada

huruf Lam yang disukunkan. Manakala wajah kedua adalah dengan mengihtbatkan huruf Alif.

### 9.0 Perbandingan Manhaj Bacaan Antara Tariq Al Syatibiyyah dan Tariq Al Hamami<sup>1</sup>

No	Kalimah Usul/Farsy Huruf	Tariq Al Syatibiyyah	Tariq Al Hammami (daripada Kitab Misbah Fil Qiraaat Al Asyr Al Bawahir)
1	Bab Takbir (bacaan lafaz takbir ketika khatam al Quran)	Tiada	1. Tiada takbir Am 2. Takbir di akhir surah-surah khatam dari surah Ad Duha-An Nas
2	Bab Mad Munfashil	Tawasut	Qasr
3	Bab Mad Mutasil	Tawasut	Tawasut
4	Kalimah ﴿ وَيَصِط ﴾	Dibaca dengan huruf Sin	Dibaca dengan huruf Sod
5	Kalimah ﴿ بِصِطَة ﴾	Dibaca dengan huruf Sin	Dibaca dengan huruf Sod
6	Kalimah ﴿ المصيطرون ﴾	Dibaca dengan dua wajah (huruf Sin atau Sod)	Dibaca dengan huruf Sin sahaja
7	Kalimah ﴿ ءالذڪرين ﴾	Dibaca dengan dua wajah (Ibdal atau Tashil)	Dibaca dengan wajah Ibdal sahaja
8	Kalimah ﴿ لا تأمنا ﴾	Dibaca dengan dua wajah (Isymam atau Ikhtilas)	Dibaca dengan wajah Isymam sahaja

<sup>1</sup> Taufiq Ibrāhīm Damrah, *Ahsan al-Bayān Syarh Turūq al-Tayyibah li Riwāyah Hafṣ*, Tanta: Dār al-Sahābah, 2012M/1433H, hlm 91.

9	Kalimah ﴿ كهيعص ﴾,	Dibaca dengan kadar 4 atau 6 harakat pada عين	Dibaca dengan kadar 4 harakat sahaja pada عين
10	Kalimah ﴿ فما ءاتن الله ﴾	Dibaca dengan dua wajah (hazaf atau ithbat Ya) ketika waqaf	Dibaca dengan hazaf Ya ketika waqaf
11	Kalimah ﴿ سلسلا ﴾	Dibaca dengan dua wajah (hazaf atau ithbat Alif) ketika waqaf	Dibaca dengan hazaf Alif ketika waqaf
12	Kalimah ﴿ ضعف ﴾, ﴿ ضعفا ﴾	Dibaca dengan dua wajah (baris Fathah atau Dhommah pada huruf Dhod )	Dibaca baris Fathah pada huruf Dhod
13	Kalimah ﴿ فرق ﴾	Huruf Ra dibaca dengan dua wajah (Tafkhim atau Tarqiq)	Huruf Ra dibaca dengan wajah Tafkhim sahaja

## 10.0 Kesimpulan

1. Pengkaji telah membuat ringkasan dan cadangan susun atur bacaan Riwayat Hafs An Asim berdasarkan kitab muktabar ulama Qiraat. Setiap orang Islam harus menguasai riwayat bacaan al Quran Hafs mengikut tatacara yang betul. Dalam artikel ini, penulis mencadangkan penyusunan tatacara pembacaan Hafs An Asim berdasarkan Tariq Al Syatibiyah dan Tariq Al Hamami yang menjadi amalan pegangan masyarakat Islam masa kini.
2. Bacaan yang menjadi amalan sebahagian masyarakat di dunia adalah berdasarkan bacaan Hafs an Asim Tariq Syatibiyah. Oleh itu, pengkaji menyarankan kepada semua pembaca menekankan aspek pembacaan al Quran mengikut tariq yang betul bagi mengelakkan percampuran tariq di dalam bacaan al Quran.

## 11.0 Rujukan

1. Muhammad al-Sadiq Qamhawi, *al Burhan Fi Tajwid al Quran*, 2018
2. Muhamad Abd A'zim az Zarqoni, *Manahil al Irfan fi Ulmul Quran*, Toba; al Halabi,
3. Taufiq Ibrāhīm Damrah (2008M/1429H), *Ahsan al-Bayān Syarh Turūq al-Tayyibah li Riwāyah Hafs*, cet 1, Tanta: Dār al-Sahābah,
4. Al-Zahabi, Abd Allah Muhammad bin Ahmad (1997), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kubar*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
5. Al-Dhabba', Muhammad 'Ali. *Sorih al-Nas fi al-Kalimat al-Mukhtalaf fiha 'an Hafs*. 1346H. Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
6. Al-Qastalani, Shihabuddin. *Lataif al-Isyarat li Funun al-Qiraat*. 1972. Lajnah Ihya' al- Turath al-'Arabi. Kaherah.
7. Ibn Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'* 2006. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
8. A'tiyah Qabil Nasir, *Ghayah Al Murid Fi Ilmu at Tajwid*, 2014, Maktabah Dar al Abrar, Mesir.
9. Surur Shihabudin, *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs An Asim Melalui Tariq Asy Syatibiyyah*, Pustaka Salam Sdn. Bhd., Cetakan Pertama, 2004.
10. Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad Az Zahabi, *Ma'rifat Al Qurra Al Kibar Ala Tabaqat Wal A'sar*, Muassasah Ar Risalah, Beirut, 1988.
11. Al Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahad As Syatibi, *Matn Hirz Amani Wa Wajhu Tahani Fil Qiraat As Sab'i*, Dar Al Ghauthani Liddirasat Al Quraniyah, Damsyik, 2007.
12. Abu al Qasim Ali bin Uthman, *Siraj Al Qari Al Muftadi Wa Tazkar Al Muqri Al Muntahi, Syarh Nazmu As Syatibiyyah*, Dar as Sohabah Lit Turath Tanta, 2004.
13. Abd Fattah Al Mirsafi, *Hidayah Al Qari' Ila Tajwid Kalam Al Bari*, Maktabah Tayyibah, Madinah Munawwarah.
14. Mohd Rahim Jusoh bin Musa, *Tarikh Al Quran & Rasm Uthmani*, Pustaka Khodim Al Mushaf, 2008.
15. Sa'ad Abd Hamid, *Taisir Ar Rahman Fi Tajwid Al Quran*, Dar At Taqwa, Syubra Al Kheimah, 2010.
16. Abu Abdullah bin Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Al Bukhari, *Sahih Al Bukhari, Kitab Fadhail Al Quran*, Bab Anzala Al Quran Ala Sab'at Ahruf, Bab 5/5042, Jam'iyah Al Miknaz Al Islami Al Qahirah.
17. Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *An Nasyr Fil Qiraat Al Asyr*, Dar Al Muhsin, Juzu' Awwal, 2016M.
18. Muhammad bin Muhaamd Ibnu Al Jazari, *Ghayah Al Nihayah Fi Tabaqat Al Qurra*, Dar As Sohabah Tanta, 2009.